

**TEKS UCAPAN YBHG. DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIF, YANG DI  
PERTUA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI SEMPENA  
PERTANDINGAN RENANG MERENTAS SELAT ANTARABANGSA  
PULAU PINANG ( PENANG INTERNATIONAL CROSS-CHANNEL  
SWIM ) 2016 PADA 19 MAC 2016 JAM 12.00 TENGAHARI DI  
PANTAI BERSIH BUTTERWORTH.**

---

Terima kasih Pengacara Majlis

**Yang Berbahagia Encik Soh Yew Siang**

Naib Presiden Persatuan Renang Amaturnya  
Penang Amateur Swimming Association  
Mewakili YBhg Dato' Ong Poh Eng  
Presiden Persatuan Renang Amaturnya

**Yang Berusaha Encik Li Hong Qi**

Pengerusi Zhengzhou Swimming Association

**Yang Dihormati**

Ahli-Ahli Majlis MPSP

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamad**

Setiausaha Perbandaran, MPSP

**Ketua-Ketua Jabatan**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian**

**Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Tengahari  
dan Salam Sejahtera, Alhamdulillah dan syukur kita kehadiran Ilahi  
kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama  
menjayakan **PERTANDINGAN RENANG MERENTAS SELAT****

**ANTARABANGSA PULAU PINANG ( PENANG INTERNATIONAL CROSS-CHANNEL SWIM ) 2016** pada pagi ini.

Saya amat gembira kerana berpeluang bersama Y.B. / Y.B., Tuan-Tuan dan puan-puan sekalian pada PERTANDINGAN RENANG MERENTAS SELAT ANTARABANGSA PULAU PINANG ( PENANG INTERNATIONAL CROSS-CHANNEL SWIM ) 2016 anjuran MMK Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti Negeri Pulau Pinang, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, MBPP dan MPSP bersama Persatuan Renang Amatur Pulau Pinang.

Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat kerana berjaya menganjurkan pertandingan ini yang memberi kebaikan kepada semua. Kejayaan ini adalah hasil komitmen yang tinggi dari semua pihak.

**Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian**

Saya mengucapkan tahniah kepada semua perenang yang telah dengan jayanya menamatkan Pertandingan Renang Merentas Selat Antarabangsa Pulau Pinang ( Penang International Cross-Channel Swim )

Congratulations and well done!

Juga ucapan tahniah kepada semua peserta yang tidak dapat menamatkan renang tersebut tetapi mempunyai keberanian (courage and tenacity) untuk mencuba Pertandingan Renang Merentas Selat Antarabangsa Pulau Pinang ( Penang International Cross-Channel Swim ).

Selain melawan dengan faktor jarak jauhnya dalam laut dan arus ombak ( sea currents ), perenang juga terpaksa menghadapi cabaran obor-obor ( jelly fish ). Saya difahamkan walaupun semua peserta telah dimaklumkan tentang cabaran obor-obor, pada hari ini terdapat 172 perenang yang berani dan tegar yang menyertai pertandingan renang dari Persiaran Gurney ke Pantai Bersih, Butterworth, sejauh lebih kurang 6.5km.

Pada pagi ini ada 113 perenang dari Kelab Polar Bear dari Zhengzhou, China, perenang dari negara-negara Spain, Sweden dan Japan dan juga 54 orang perenang dari seluruh Malaysia.

Antara semua peserta ini, yang muda sekali ialah dua orang kanak-kanak perempuan berumur 11 tahun dari Bukit Mertajam, Penang dan peserta yang tertua sekali berumur 73 tahun dari Negara Cina.

### **Para hadirin sekalian,**

Pertandingan ini memang satu acara yang unik kerana buka senang untuk menganjur pertandingan renang ini dalam suasana pelabuhan yang sibuk dan perkapalan komersial.

*( The Penang International Cross Channel Swim is indeed a unique event as it is not easy to organize such a swim in a busy port with commercial shipping.)*

Pertandingan yang sebelum ini diadakan pada tahun 1989 dan hanya dihidupkan semula selepas 26 tahun.

*( The last Penang Cross Channel Swim was held in 1989 and was only revived last year after a lapse of more than 26 years ).*

Dengan kerjasama dan sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan semua agensi kerajaan, pertandingan ini telah dengan jayanya diadakan tahun lalu.

*( It was very successfully held last year with the help and strong support of the Penang State Government and all the relevant government agencies. )*

Ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua yang bekerjasama untuk menjayakan acara antarabangsa ini

*(My heartiest congratulations to all for working together to make this international event a great success ).*

Juga ucapan terima kasih dan tahniah kepada Persatuan Renang Amatur (Penang Amateur Swimming Association ) di bawah pimpinan YBhg Dato' Ong Poh Eng dalam menganjurkan pertandingan ini.

*( My heartiest congratulations also to the Penang Amateur Swimming Association under the able leadership of Dato' Ong Poh Eng for organizing this event.)*

Acara seperti ini dapat mempromosikan Negeri Pulau Pinang sebagai destinasi pelancong antarabangsa dan Bandar Sukan dan juga mempromosikan gaya hidup yang sihat selaras dengan visi dan aspirasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

*( Events such as this helps promote Penang as an international tourist destination and sporting city as well as promote a healthy and vibrant*

lifestyle in line with our Penang State Government's vision and aspirations.)

Saya percaya Pertandingan Renang Merentas Selat Antarabangsa Pulau Pinang akan diadakan setiap tahun dan akan menjadi acara sukan tahunan Negeri Pulau Pinang seperti Larian Jambatan Pulau Pinang yang menarik beribu-ribu peserta setiap tahun.

*( I believe that Penang International Cross Channel Swim will be held annually and will eventually become another iconic and unique Penang Sports Event as the Penang Bridge Marathon which has now attracted thousands participants annually.)*

Sekali lagi, ucapan tahniah kepada semua peserta Pertandingan Renang Merentas Selat Antarabangsa Pulau Pinang

*( Once again, my congratulations to all the participants taking the plunge in this Penang International Cross Channel Swim )*

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih